

Bank of America

Perbankan Global dan Notis Privasi Pasaran – Malaysia

Kemas kini terakhir Jan 2025

Notis Privasi ini menerangkan bagaimana Bank of America, National Association, cawangan Labuan, Bank of America Malaysia Berhad dan Merrill Lynch Malaysian Advisory Sdn Bhd (setiap satunya “**Entiti BofA Malaysia**” atau “**kami**”), mengumpul, menggunakan dan mendedahkan data peribadi dalam dan luar talian yang berkaitan dengan perkhidmatan yang kami sediakan kepada pelanggan korporat dan pelanggan institusi kami (“**Perkhidmatan**”). Kami merujuk kepada individu yang Data Peribadi (seperti yang ditakrifkan di bawah) mereka diproses oleh kami, seperti individu yang bekerja untuk atau selainnya terlibat, atau berinteraksi dengan, pelanggan kami, sekutu mereka atau pihak ketiga lain, berkaitan dengan Perkhidmatan, sebagai “**anda**” dalam Notis Privasi ini. Notis ini menjelaskan cara kami mengumpul, menggunakan, berkongsi dan melindungi data peribadi daripada mereka yang mendaftar untuk acara-acara yang dihoskan oleh entiti-entiti ini. Sila rujuk bahagian berkaitan dengan pengurusan dan pelaksanaan acara.

Notis Privasi ini adalah tambahan kepada notis privasi lain yang berkaitan dengan perkhidmatan lain yang Entiti BofA Malaysia sediakan kepada pelanggan dan individu, termasuk Notis Privasi Digital. Notis privasi boleh diakses di sini: [Global Privacy Notices \(bofa.com\)](https://bofa.com/global-privacy-notice).

DATA PERIBADI

Entiti BofA Malaysia mengumpul Data Peribadi yang berkaitan secara langsung dengan perniagaannya, yang diperlukan untuk memenuhi kewajiban undang-undangnya, atau selainnya yang dibenarkan untuk dikumpul di bawah undang-undang terpakai. Tersenarai dalam Lampiran 1 Notis ini ialah kategori Data Peribadi yang kami kumpulkan dan tujuan kami menggunakan data yang telah kami kumpulkan, kecuali apabila dihadkan oleh undang-undang terpakai. Semasa menyediakan Perkhidmatan yang tertentu, kami menerima Data Peribadi daripada anda, pihak ketiga, wakil pelanggan anda, atau daripada sumber awam.

Kami mengumpul dan memproses Data Peribadi: (i) kerana kami dikehendaki atau dibenarkan untuk berbuat demikian oleh undang-undang terpakai; (ii) kerana maklumat sedemikian diperlukan untuk memudahkan hubungan anda dengan kami, dan untuk menyediakan Perkhidmatan yang diminta; (iii) di mana kepentingan awam memerlukan, sepertimana yang diklasifikasikan di bawah undang-undang tempatan, atau (iv) di mana diperlukan, dengan persetujuan atau keizinan nyata individu yang Data Peribadinya diproses oleh kami.

Jika kami tidak menerima maklumat yang kami minta, kami mungkin tidak dapat menyediakan Perkhidmatan yang diminta. Kecuali jika dinyatakan sebaliknya, adalah mandatori bagi Entiti BofA Malaysia untuk mengumpul, menggunakan, menyimpan, memindahkan dan selainnya memproses Data Peribadi untuk mencapai tujuan yang disenaraikan dalam Lampiran 2.

Pengumpulan Data Peribadi

Kami dan ejen, sekutu, subsidiari, dan pembekal perkhidmatan kami mengumpul Data Peribadi dengan pelbagai cara, termasuk:

- Melalui Perkhidmatan: Kami boleh mengumpul Data Peribadi melalui penyediaan Perkhidmatan.
- Selain daripada melalui Perkhidmatan: Kami mungkin mengumpul Data Peribadi mengenai anda selain daripada melalui Perkhidmatan, seperti apabila anda berjumpa dengan kami sebelum transaksi, meminta usul atau cadangan daripada kami, atau terlibat dalam transaksi atau perjanjian kontrak, dirujuk dalam senarai pihak bekerja yang dibekalkan oleh anda atau pihak ketiga, atau dalam maklumat yang diperolehi daripada bilik data yang berkaitan dengan urusan niaga.
- Daripada Sumber Lain: Kami mungkin menerima Data Peribadi daripada sumber lain, seperti pangkalan data awam, majikan,

Bank of America

Perbankan Global dan Notis Privasi Pasaran – Malaysia

Kemas kini terakhir Jan 2025

entiti yang mana kami menyediakan Perkhidmatan kepada dan daripada pihak ketiga.

- Pengurusan dan pelaksanaan acara: Anda memberi Data Peribadi melalui proses pendaftaran acara.

Menjaga keselamatan Data Peribadi adalah satu daripada tanggungjawab terpenting kami. Kami mengekalkan langkah perlindungan dan keselamatan fizikal, teknikal, elektronik, prosedur dan organisasi bagi melindungi data peribadi daripada kemusnahan, kehilangan, pengubahan, pendedahan atau akses secara tidak sengaja, menyalahi undang-undang atau tanpa izin, sama ada ia diproses oleh kami di Malaysia atau tempat lain. Pekerja yang bersesuaian diberi kebenaran untuk mengakses data peribadi bagi tujuan perniagaan yang sah dan khusus. Pekerja kami terikat oleh kod etika dan dasar dalaman lain yang memerlukan data peribadi diuruskan dengan sulit dan mereka tertakluk pada tindakan disiplin jika gagal mematuhi syarat-syarat tersebut.

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang tempatan terpakai dan bersesuaian untuk mencapai tujuan yang dinyatakan dalam Notis ini, Data Peribadi boleh digunakan dan didedahkan sepertimana yang dinyatakan dalam Lampiran 2.

Entiti BofA Malaysia juga boleh menggunakan dan mendedahkan Data Peribadi yang kami percaya perlu atau wajar: (a) untuk mematuhi undang-undang terpakai termasuk persetujuan dan perjanjian dengan atau antara kerajaan asing atau domestik (termasuk yang berkaitan dengan undang-undang pelaporan cukai), yang mungkin termasuk undang-undang di luar negara di mana anda berada, untuk membalas permintaan daripada pihak berkuasa awam dan kerajaan, yang mungkin termasuk pihak berkuasa di luar negara anda, untuk bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang, kerajaan, pengawalseliaan, bursa sekuriti atau agensi atau pihak berkuasa lain yang serupa termasuk pihak berkuasa percukaian yang mana kami atau sekutu kami tertakluk atau patuhi, dalam setiap kes bagi mana-mana negara di seluruh dunia, atau untuk tujuan undang-undang lain, yang boleh memindahkan Data Peribadi kepada agensi atau pihak berkuasa yang setaraf di negara-negara lain; (b) kepada bank pusat, pengawal selia, repositori data perdagangan, atau mekanisme pelaporan yang diluluskan yang mungkin berada di luar negara anda; (c) kepada mahkamah, pihak lawan litigasi dan lain-lain, menurut sepina atau perintah mahkamah atau proses lain atau yang sebaliknya yang diperlukan secara munasabah, termasuk dalam konteks litigasi, penimbangtaraan dan prosiding yang serupa untuk menguatkuasakan terma dan syarat kami, dan sebagaimana yang diperlukan secara munasabah untuk menyediakan atau melaksanakan sebarang litigasi, penimbangtaraan dan/atau prosiding yang serupa; dan (d) untuk menjaga hak, privasi, keselamatan atau harta benda kami, dan/atau sekutu kami, anda atau pihak-pihak lain.

Di samping itu, kami boleh menggunakan, mendedahkan atau memindahkan Data Peribadi kepada pihak ketiga (i) dalam kes sebarang penyusunan semula, penggabungan, penjualan, usaha sama, penyerahan hak, pemindahan atau pelupusan kesemua atau sebahagian daripada perniagaan, aset atau saham kami (termasuk yang berkaitan dengan kemuflian atau prosiding yang serupa) dan/atau (ii) kepada pihak ketiga, sebagaimana yang diminta oleh pelanggan dan wakil mereka

Sila ambil perhatian bahawa Data Peribadi yang kami kumpul untuk memenuhi kewajipan undang-undang dan pengawalseliaan kami yang berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan hanya diproses bagi tujuan tersebut, kecuali dibenarkan atau dipersetujui sebaliknya.

Bank of America

Perbankan Global dan Notis Privasi Pasaran – Malaysia

Kemas kini terakhir Jan 2025

MAKLUMAT DALAM TALIAN

Bagaimanakah kami mengumpul maklumat peribadi dalam talian melalui kuki dan teknologi penjejakan yang serupa?

Kami mengumpul maklumat mengenai anda melalui komputer, telefon pintar, tablet atau peranti mudah alih lain anda dengan menggunakan kuki dan teknologi penjejakan yang serupa.

Jenis maklumat yang kami kumpul mengenai anda secara dalam talian akan bergantung pada cara anda berinteraksi dengan kami dan boleh termasuk: (tidak semua yang berikut terpakai kepada keadaan anda)

- Pengecam peranti unik (contohnya Kawalan Akses Media ("Media Access Control", MAC) dan alamat Protokol Internet ("Internet IP", IP);
- Jenis, versi, bahasa dan tetapan paparan/skrin penyemak imbas;
- Maklumat mengenai cara anda menggunakan dan berinteraksi dengan laman web dan aplikasi mudah alih kami (contohnya, laman web yang dikunjungi atau pautan yang diklik);
- Maklum balas tinjauan dan maklumat serupa yang mendedahkan pandangan dan pilihan, tetapi yang tidak mendedahkan identiti khusus seseorang;
- Respons kepada iklan di laman web dan aplikasi mudah alih di mana kami memaparkan iklan;
- Maklumat log masuk seperti carian dan pertanyaan suara ke teks anda dalam aplikasi mudah alih;
- Rujukan daripada enjin carian; dan
- Maklumat geolokasi

Bagaimanakah kami menggunakan maklumat yang dikumpul dalam talian?

Kami mengumpul maklumat ini melalui kuki dan teknologi penjejakan lain untuk sebab-sebab yang berikut:

- Ia diperlukan untuk memastikan laman web berfungsi seperti yang dimaksudkan, seperti melaksanakan pengesahan dalam laman yang selamat. Beberapa perkhidmatan yang diminta oleh anda tidak dapat disediakan tanpa maklumat ini; sebagai contoh, tanpa kuki atau teknologi penjejakan yang serupa, anda tidak boleh mengakses bahagian selamat dalam laman web ini yang memerlukan pengesahan bagi membantu mengesan dan mencegah penipuan, pencurian identiti dan risiko lain yang dihadapi oleh anda atau Bank of America.
- Untuk mengingat pilihan yang anda tetapkan (seperti nama pengguna, bahasa atau wilayah anda) dan menyediakan ciri-ciri yang lebih peribadi dan dipertingkatkan. Kuki-kuki ini boleh digunakan untuk mengingat perubahan yang anda buat pada saiz teks, fon dan bahagian lain di halaman web yang mungkin telah disesuaikan oleh anda. Ia juga boleh digunakan untuk menyediakan perkhidmatan yang anda minta seperti menonton video atau memberi ulasan pada sesuatu blog.
- Menambah baik cara laman web berfungsi dan termasuk mengumpul maklumat tentang bagaimana pelawat menggunakan laman web, sebagai contoh halaman mana yang paling kerap dikunjungi oleh pelawat atau jika mereka menerima mesej ralat daripada halaman web. Maklumat ini juga boleh digunakan untuk membuat kesimpulan kolektif berdasarkan pilihan dan tingkah laku mengimbas bagi tujuan penyelidikan pemasaran dan pengiklanan.
- Untuk menyampaikan iklan yang mungkin relevan kepada anda dan minat anda. Ini juga digunakan untuk mengehadkan kekerapan anda melihat sesuatu iklan serta membantu mengukur keberkesanan kempen pengiklanan. Ia biasanya diletakkan oleh rangkaian pengiklanan dengan kebenaran pengendali laman web. Ia mengingat bahawa anda telah mengunjungi sesuatu laman web dan maklumat ini boleh dikongsi dengan organisasi lain seperti para pengiklan.

Bank of America

Perbankan Global dan Notis Privasi Pasaran – Malaysia

Kemas kini terakhir Jan 2025

- Untuk memberi anda maklumat yang diminta oleh anda seperti lokasi pejabat yang paling dekat dengan tempat anda.

Penggunaan dan Pendedahan Maklumat Lain

Kami mungkin mengguna dan mendedahkan Maklumat Lain untuk sebarang tujuan, kecuali yang mana kami dikehendaki sebaliknya di bawah undang-undang terpakai. Dalam sesetengah keadaan, kami mungkin menggabungkan Maklumat Lain dengan Data Peribadi. Jika kami berbuat demikian, kami akan memperlakukan maklumat gabungan sebagai Data Peribadi selagi ia digabungkan.

Lihat [Dasar Kuki](#) kami untuk butiran lanjut tentang kuki dan teknologi penjejakan termasuk cara anda boleh menguruskan kuki.

PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA

Notis Privasi ini tidak mengambil kira, dan kami tidak bertanggungjawab terhadap, maklumat privasi atau amalan lain mana-mana pihak ketiga, termasuk mana-mana pihak ketiga yang mengendalikan sebarang laman web atau perkhidmatan yang dipautkan oleh Perkhidmatan. Terdapatnya pautan pada Perkhidmatan tidak menandakan sokongan kami atau Sekutu BofA terhadap laman atau perkhidmatan yang dipautkan.

KESELAMATAN

Kami menggunakan langkah-langkah organisasi, teknikal dan pentadbiran yang munasabah dalam organisasi kami untuk melindungi Data Peribadi anda. Jika anda mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa interaksi anda dengan kami tidak lagi selamat, sila maklumkan kami dengan segera selaras dengan bahagian “Hubungi Kami” di bawah.

Bagaimana individu boleh mengakses, mengubah atau menyekat Data Peribadi mereka

Anda mungkin mempunyai hak tertentu di bawah undang-undang perlindungan data tempatan, termasuk (tetapi tidak terhad kepada): hak untuk meminta akses kepada data peribadi atau hak untuk membantah, menarik balik keizinan, menyekat, atau meminta pemberhentian pengumpulan, penggunaan, pendedahan, dan pemprosesan lain data peribadi seperti yang diterangkan dalam Notis ini.

TEMPOH PENGEKALAN

Kami akan mengekalkan Data Peribadi selagi ia diperlukan mengikut jadual pengekalan kami atau dibenarkan bagi tujuan ia diperoleh. Kriteria yang digunakan untuk menentukan tempoh pengekalan kami termasuk: (i) jangka masa kami mempunyai hubungan berterusan dengan pelanggan kami dan menyediakan Perkhidmatan; (ii) sama ada kami tertakluk pada mana-mana kewajipan undang-undang, dan (iii) sama ada pengekalan adalah wajar menurut kedudukan undang-undang kami (seperti yang berkenaan dengan statut pembatasan yang berkenaan, litigasi dan penyiasatan pengawalseliaan).

PEMBUATAN KEPUTUSAN AUTOMATIK

Kami tidak menggunakan kaedah pembuatan keputusan automatik dalam proses kami.

Bank of America

Perbankan Global dan Notis Privasi Pasaran – Malaysia

Kemas kini terakhir Jan 2025

PENGUNAAN PERKHIDMATAN OLEH INDIVIDU BAWAH UMUR

Perkhidmatan tidak ditujukan kepada individu di bawah umur lapan belas (18) tahun, dan kami tidak secara sengaja mengumpul Data Peribadi daripada individu di bawah umur 18 tahun.

Para individu boleh menghantar Data Peribadi anak-anak bawah umur atau penjaga sah mereka berkaitan dengan kehadiran atau penyertaan dalam suatu acara. Setiap Ibu bapa atau penjaga mesti mempunyai kuasa yang sah untuk mendedahkan Data Peribadi sedemikian kepada kami dan untuk membuat keputusan berkaitan dengan pemprosesan Data Peribadi sedemikian berhubung dengan acara tersebut. Data Peribadi kanak-kanak bawah umur ini hanya akan digunakan untuk tujuan pendaftaran dan penyertaan acara.

BIDANG KUASA DAN PEMINDAHAN RENTAS SEMPADAN

Data Peribadi boleh disimpan dan diproses di mana-mana negara di mana kami mempunyai kemudahan atau di mana kami menggunakan khidmat pembekal perkhidmatan termasuk Amerika Syarikat. Dalam keadaan tertentu, mahkamah, agensi penguatkuasaan undang-undang, agensi pengawalseliaan atau pihak berkuasa keselamatan di negara lain tersebut mungkin berhak untuk mengakses Data Peribadi.

Untuk pemindahan dari Malaysia ke negara yang tidak dianggap memadai, kami telah menetapkan langkah-langkah yang memadai untuk melindungi Data Peribadi, seperti klausa kontrak standard. Pemindahan boleh juga dibuat menurut kontrak berdasarkan minat anda atau atas permintaan anda.

Dengan memberi Data Peribadi anda kepada Entiti BofA Malaysia, anda mengakui dan memahami bahawa Entiti BofA Malaysia boleh mengumpul, menggunakan, memindahkan, atau mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga dan untuk tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini bagi menyediakan Perkhidmatan kepada anda secara munasabah. Jika anda tidak menyediakan kepada kami dengan Data Peribadi seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini, Entiti BofA Malaysia mungkin tidak lagi dapat menyediakan Perkhidmatan kepada anda dan penerimaan Perkhidmatan tersebut oleh anda mungkin dihentikan dengan segera.

Sekiranya Entiti BofA Malaysia ingin mendedahkan maklumat anda untuk mempromosi atau membuat publisiti produk atau perkhidmatan, Entiti BofA Malaysia akan memperoleh keizinan khusus bagi tujuan pemasaran sedemikian sebelum pendedahan tersebut. Keizinan anda untuk tujuan pemasaran sedemikian bukanlah syarat untuk menerima Perkhidmatan.

MAKLUMAT PERIBADI SENSITIF

Lazimnya kami tidak mengumpul Data Peribadi Sensitif berkaitan dengan Perkhidmatan. Jangan hantar kepada kami sebarang Data Peribadi yang dikategorikan sebagai data peribadi sensitif di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia atau peraturan perlaksanaannya (cth. data biometrik, kesihatan atau keadaan fizikal atau mental subjek data, pandangan politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang bersifat serupa, perlakuan atau pendakwaan perlakuan tentang sebarang salah laku atau sebarang data peribadi lain yang boleh ditentukan oleh Menteri melalui perintah yang diterbitkan dalam Warta.) ("Data Khas") melalui Perkhidmatan atau sebaliknya, melainkan kami meminta maklumat ini daripada anda secara khusus atau menjalankan penyiasatan usaha wajar terhadap anda di mana respons memerlukan anda untuk mendedahkan Data Khas kepada

Bank of America

Perbankan Global dan Notis Privasi Pasaran – Malaysia

Kemas kini terakhir Jan 2025

kami. Dalam kes sedemikian, sila pastikan anda memaklumkan kami bahawa anda memberi kami Data Peribadi Sensitif.

Kami mungkin menerima Data Peribadi Sensitif daripada pembekal perkhidmatan pihak ketiga dan lain-lain dalam menyokong aktiviti usaha wajar yang dijalankan oleh kami untuk memenuhi pelbagai keperluan undang-undang dan pengawalseliaan yang padanya kami tertakluk.

Pengurusan dan pelaksanaan acara: Semasa pendaftaran, peserta boleh memaklumkan kami tentang ketidakupayaan yang mungkin memerlukan penyesuaian, atau keperluan khas yang berkaitan dengan kepercayaan agama, dan/atau ciri-ciri kesihatan, seperti keperluan pemakanan. Maklumat ini hanya akan digunakan setakat yang diperlukan untuk memudahkan sebarang penyesuaian bagi ketidakupayaan atau keperluan khas. Butiran pendaftaran tertentu juga boleh termasuk Data Peribadi Sensitif (contohnya, pantang pemakanan boleh menunjukkan kepercayaan agama yang tertentu). Data sedemikian akan digunakan hanya untuk memudahkan penyertaan acara.

HAK INDIVIDU

Anda mungkin berhak untuk membuat permintaan tertentu kepada Entiti BofA Malaysia di bawah undang-undang perlindungan data terpakai. Hak ini boleh termasuk, tertakluk pada syarat dan batasan yang berkenaan:

- Individu berhak untuk meminta salinan data peribadi;
- Individu berhak untuk menghalang pemprosesan dalam keadaan tertentu yang mana pemprosesan mungkin menyebabkan kemudaratan;
- Individu berhak untuk meminta supaya data peribadi sedemikian diperbetulkan; dan
- Individu mempunyai hak untuk memadam data yang tidak tepat atau tidak lengkap, kecuali dalam keadaan yang terhad.
- Individu berhak untuk meminta kami menghantar data peribadi anda terus kepada pengawal data lain pilihan anda dengan memberikan notis bertulis melalui kaedah elektronik kepada Entiti BofA Malaysia.

Melainkan dinyatakan sebaliknya, Data Peribadi individu yang relevan wajib dibekalkan kepada kami. Individu berhak untuk membantah (untuk tujuan sah) pengumpulan atau pemprosesan data peribadi. Individu boleh menarik balik keizinan terhadap pemprosesan Data Peribadi dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Jika individu memilih untuk tidak memberi, mengehendkan atau menarik balik keizinan terhadap pengumpulan, penggunaan, pemprosesan atau perkongsian data peribadi, kami mungkin tidak dapat menyediakan produk dan perkhidmatan tertentu kepada anda.

Permintaan untuk pemindahan data tertakluk kepada kebolehlaksanaan teknikal dan keserasian format data.

Jika anda ingin meminta untuk menyemak, memperbetulkan, mengemas kini, menyekat, membataskan, memadamkan atau menghantar Data Peribadi yang telah anda bekalkan kepada kami, atau jika anda ingin meminta untuk menerima salinan elektronik Data Peribadi anda untuk tujuan penghantaran kepada syarikat lain (setakat mana hak kemudahalihan data ini diberikan kepada anda oleh undang-undang terpakai), anda boleh menghubungi kami dengan menghantar e-mel kepada individualrightsrequests@bofa.com. Kami akan membalas permintaan anda selaras dengan undang-undang terpakai.

Dalam permintaan anda, sila jelaskan Data Peribadi mana yang anda ingin ubah, jika ada anda inginkan Data Peribadi disekat daripada pangkalan data kami atau sebaliknya memaklumkan kami pembatasan yang anda ingin kenakan terhadap penggunaan Data Peribadi tersebut oleh kami. Untuk perlindungan anda, kami mungkin hanya melaksanakan permintaan berkenaan dengan Data Peribadi yang dikaitkan dengan alamat e-mel khusus yang anda gunakan untuk menghantar permintaan kepada kami, dan xsskami mungkin perlu mengesahkan identiti anda sebelum melaksanakan permintaan anda. Kami akan mematuhi permintaan anda secepat yang semunasabahnya mungkin.

Bank of America

Perbankan Global dan Notis Privasi Pasaran – Malaysia

Kemas kini terakhir Jan 2025

Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin perlu mengekalkan maklumat tertentu untuk tujuan penyimpanan rekod dan/atau untuk

menyempurnakan sebarang transaksi yang anda mulakan sebelum meminta pertukaran atau pemadaman. Mungkin terdapat sisa maklumat berbaki yang akan kekal dalam pangkalan data dan rekod lain kami, yang tidak akan dipadamkan.

Menerima komunikasi elektronik daripada kami

Jika anda tidak lagi ingin menerima e-mel berkaitan dengan pemasaran daripada kami untuk masa akan datang, anda boleh menarik diri dengan mengikut arahan dalam komunikasi elektronik yang berkenaan.

Kami akan cuba untuk memenuhi permintaan anda secepat yang semunasabahnya mungkin. Sila ambil perhatian bahawa jika anda menarik diri daripada menerima e-mel berkaitan dengan pemasaran daripada kami, kami mungkin masih akan menghantar kepada anda mesej pentadbiran dan mesej berkaitan Perkhidmatan atau transaksi yang penting. Anda tidak boleh menarik diri daripada mesej sedemikian.

PENGEMASKINIAN NOTIS PRIVASI INI

Kami boleh meminda Notis Privasi ini, dari semasa ke semasa. Petunjuk “KEMAS KINI TERAKHIR” pada bahagian atas Notis Privasi ini menunjukkan tarikh terakhir Notis Privasi ini dipinda. Sebarang pindaan akan berkuat kuasa apabila kami memaparkan Notis Privasi yang dipinda tersebut. Penggunaan Perkhidmatan selepas pindaan ini (atau penyediaan berterusan Data Peribadi anda kepada kami) menandakan penerimaan terhadap Notis Privasi yang dipinda tersebut.

MENGHUBUNGI KAMI

Entiti BofA Malaysia yang menyediakan Perkhidmatan berkaitan dengan Data Peribadi anda telah dibekalkan ialah syarikat yang bertanggungjawab dalam pengumpulan, penggunaan dan pendedahan Data Peribadi anda di bawah Notis Privasi ini.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Notis Privasi ini, sila hubungi Pengurus Perhubungan Pelanggan anda. Anda juga boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data Malaysia kami di connect.dpo@bofa.com.

Bagi membantu kami untuk mengurus pertanyaan anda, sila sertakan nama penuh anda dan nama Entiti BofA Malaysia yang, mengikut fahaman anda, memproses data peribadi anda dan/atau sebarang nombor rujukan yang disediakan oleh Entiti BofA Malaysia kepada anda.

Bank of America

Perbankan Global dan Notis Privasi Pasaran – Malaysia

Kemas kini terakhir Jan 2025

Lampiran 1 – Kategori Data Peribadi yang Kami Boleh Kumpul, Guna, Dedah atau Pindahkan

“**Data Peribadi**” ialah maklumat yang dikumpul semasa atau berkaitan dengan Perkhidmatan Entiti BofA Malaysia, dan berkaitan dengan Perkhidmatan kami yang mengenal pasti seseorang individu atau berkaitan dengan individu yang boleh dikenal pasti, termasuk:

- Nama
- Butiran akaun dan maklumat hubungan yang berkaitan
- Alamat pos
- Nombor telefon atau faks
- Alamat e-mel dan alamat pengenalan lain bagi komunikasi elektronik
- Tarikh lahir
- Butiran daripada pasport dan borang pengenalan peribadi lain yang dikeluarkan oleh persekutuan atau negeri (termasuk Nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara, keselamatan sosial, lesen memandu, insurans negara dan nombor pengenalan lain)
- Imej fotografi atau video
- Tandatangan
- Kewarganegaraan
- Jenis pekerjaan
- Sumber kekayaan
- Rakaman telefon atau elektronik
- Data Pembaca termasuk rekod interaksi dalam talian dengan kandungan penyelidikan dan bahan lain untuk menjejaki akses dan penggunaan
- Untuk memudahkan pengurusan acara (maya atau secara peribadi), selain daripada data yang dinyatakan di atas, kami mungkin juga mengumpul:
 - Keperluan pemakanan
 - Keperluan bantuan khas (kurang upaya pendengaran, penglihatan atau fizikal)
 - Butiran perjalanan
 - Nama pasangan/suami isteri/tetamu
 - Nama dan umur anak/anak-anak (dikumpul melalui ibu bapa atau penjaga yang menghadiri acara)
 - Biografi penceramah

Dalam proses menyediakan Perkhidmatan tertentu, kami juga boleh menerima daripada anda, atau pihak ketiga, maklumat yang termasuk:

- Maklumat berkenaan pekerjaan (maklumat gaji, opsyen saham, pegangan saham, pencen, butiran hubungan perniagaan dan CV);
- Maklumat mengenai pengawalseliaan dan lain-lain siasatan atau litigasi di mana anda masih atau pernah terlibat;

Bank of America

Perbankan Global dan Notis Privasi Pasaran – Malaysia

Kemas kini terakhir Jan 2025

- Maklumat mengenai penggunaan perkhidmatan kami oleh anda, dan cara individu yang bekerja untuk pelanggan kami menggunakan perkhidmatan kami; dan
- Sumber kekayaan pemilik warisan

Lampiran 2 – Penggunaan dan Pendedahan Data Peribadi

Kami dan pembekal perkhidmatan kami boleh menggunakan Data Peribadi untuk kepentingan perniagaan sah kami atau untuk memenuhi kewajipan undang-undang dan pengawalseliaan kami, termasuk yang berikut:

- a) untuk mengesahkan penandatanganan yang diberi kuasa semasa menyempurnakan perjanjian dan transaksi;
- b) untuk menghubungi individu yang dicalonkan berkaitan dengan transaksi dan perjanjian kontrak sedia ada;
- c) untuk membalas pertanyaan dan memenuhi permintaan daripada pelanggan kami dan/atau pihak ketiga relevan yang memerlukan maklumat sebagai sebahagian daripada keperluan pembekalan Perkhidmatan, dan untuk mentadbir akaun dan mengurus hubungan kami;
- d) untuk memaklumkan pelanggan kami mengenai produk atau perkhidmatan yang kami percaya mungkin menarik minat mereka, termasuk iklan yang disesuaikan, cadangan atau tawaran pemasaran (tetapi hanya dengan keizinan anda, jika diperlukan oleh Undang-undang);
- e) untuk mengesahkan identiti dan/atau lokasi individu (atau identiti atau lokasi wakil atau ejen pelanggan kami) untuk memberi akses ke akaun pelanggan, atau melaksanakan transaksi dalam talian;
- f) untuk memberikan nasihat dan bimbingan kepada pelanggan;
- g) untuk melindungi keselamatan akaun dan Data Peribadi;
- h) untuk tujuan pengurusan maklumat dan hubungan, dan tujuan perniagaan, termasuk analisis data, audit, membangunkan dan menambah baik produk dan perkhidmatan, mengenal pasti trend penggunaan dan menentukan keberkesanan kempen promosi, dan meningkatkan, menambah baik atau mengubah Perkhidmatan kami;
- i) untuk pengurusan risiko, pengesanan, pencegahan and penyiasatan penipuan, termasuk “ketahui pelanggan anda”, pencegahan pengubahan wang haram, konflik, lain-lain semakan ke atas pelanggan semasa and selepas pembukaan akaun, keperluan usaha wajar dan pengesanan, semakan kredit, analisis risiko kredit, dan pelaporan cukai;
- j) untuk menyediakan, dan melaksanakan tanggungjawab kami berkenaan dengan Perkhidmatan atau selainnya berkaitan dengan pematuhan arahan;
- k) untuk menghantar maklumat pentadbiran kepada pelanggan, seperti perubahan terma, syarat dan dasar kami
- l) untuk merekodkan transaksi dalam rekod awam;
- m) untuk selainnya mematuhi undang-undang dan peraturan (termasuk sebarang nasihat, kod atau pendapat undang-undang atau pengawalseliaan), dan untuk mematuhi keperluan proses undang-undang dan penguatkuasaan undang-undang lain (termasuk sebarang dasar dalaman yang berdasarkan atau mencerminkan nasihat, kod atau pendapat undang-undang atau pengawalseliaan);
- n) sebagai sebahagian daripada penjualan, penggabungan atau perubahan yang serupa berkaitan dengan perniagaan Bank of America Corporation

Bank of America

Perbankan Global dan Notis Privasi Pasaran – Malaysia

Kemas kini terakhir Jan 2025

- o) untuk melindungi harta intelek kami, dan untuk memahami tahap penggunaan dan akses penyelidikan oleh pembaca; dan
- p) Untuk pengurusan dan pelaksanaan acara bagi memastikan semua peserta mempunyai pengalaman yang selamat dan menyeronokkan, untuk memberi pemberitahuan mengenai acara, menyediakan analisis bagi menambah baik acara kami dan membangunkan acara baharu, menentukan keberkesanan keseluruhannya, mempertingkatkan produk dan perkhidmatan, dan untuk mengendalikan dan mengembangkan aktiviti perniagaan kami.

Data Peribadi boleh didedahkan kepada pihak ketiga berkaitan dengan Perkhidmatan yang kami bekalkan. Penerima sebarang maklumat sedemikian akan bergantung kepada Perkhidmatan yang disediakan. Tertakluk pada apa-apa batasan berkenaan kerahsiaan yang telah kami persetujui secara nyata dengan pelanggan kami atau pihak transaksi lain, pendedahan sedemikian boleh termasuk pendedahan:

- kepada sekutu dan subsidiari BofA untuk tujuan yang diterangkan dalam Notis Privasi ini ("**Sekutu BofA**");
- kepada pembekal perkhidmatan pihak ketiga kami yang menyediakan perkhidmatan seperti pengehosan laman web, analisis data, pemprosesan bayaran, pemenuhan pesanan, pembekalan teknologi maklumat dan infrastruktur yang berkaitan, perkhidmatan pelanggan, penghantaran e-mel, audit, pengumpulan e-tandatangan dan pemprosesan perkhidmatan dan perkhidmatan lain seperti pengurusan serta pelaksanaan pemasaran dan acara (vendor acara, penganjur, sukarelawan, kontraktor, dan penaja-penaja);
- kepada pakar dan penasihat pihak ketiga (termasuk penasihat undang-undang luaran, notari, juruaudit dan penasihat cukai);
- kepada pembekal infrastruktur pembayaran, perbankan dan perhubungan termasuk agensi pungutan hutang, syarikat percetakan cek dan penyata, SWIFT, institusi dan perantara kewangan yang mungkin berurusan dengan kami, termasuk bank koresponden, syarikat insurans, broker insurans, rakan niaga pusat ("central counterparties", CCP), tempat penjelasan, sistem penjelasan dan penyelesaian, bursa, platform perdagangan, pasaran terkawal, institusi kredit, broker kewangan, bank lain, penaja, penerbit, ahli sindiket bersama, subpengunderaitan, pembekal perkhidmatan penyelarasan portfolio, pembekal perkhidmatan margin, platform perisian tengah, ejen penilaian, ejen perkhidmatan dan pembekal perkhidmatan lain yang membantu dalam transaksi;
- kepada pembekal tempat simpanan pihak ketiga (termasuk pembekal perkhidmatan arkib, repositori dokumen dan laman urus niaga yang menyediakan akses penawaran pekeliling dan bahan pemasaran lain) dan repositori data perdagangan;
- kepada platform pengedaran pihak ketiga dan kepada operator kemudahan komunikasi pembawa umum atau swasta atau kemudahan transmisi, pembekal perkongsian pemilikan dan perkhidmatan mel atau kurier;
- kepada peserta urus niaga/transaksi lain termasuk penerbit, peminjam, pelabur berpotensi dan ahli sindiket, penasihat, peminjam lain, pencetak bebas yang menghasilkan surat pekeliling, prospektus dan bahan pemasaran dan acara serta pembekal perkhidmatan penterjemahan;
- kepada rakan niaga, vendor dan benefisiari, dan entiti lain yang berkaitan dengan pelanggan kami (termasuk penjamin, Sekutu BofA, pelanggan tersirat, obligor, pelabur, dana, akaun dan/atau mana-mana prinsipal lain yang berkaitan); dan
- kepada individu lain seperti yang dipersetujui dengan pelanggan kami atau seperti yang diperlukan atau dibenarkan secara nyata oleh undang-undang terpakai.

Pendedahan Data Peribadi yang kami lakukan kepada pembekal perkhidmatan pihak ketiga kami, seperti yang diterangkan dalam bahagian ini, akan dilakukan tertakluk pada syarat kerahsiaan dan keselamatan yang kami mungkin pertimbangkan sebagai wajar, khusus bagi setiap pendedahan sedemikian.